

TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN GANJARAN PENERBITAN

TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN GANJARAN PENERBITAN

1. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) akan menerima senarai penerima Ganjaran Penerbitan dari Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) berdasarkan rekod dalam sistem e-Repositori Penerbitan.
2. Semua penerima akan diberikan kod Pengurusan Ganjaran Penerbitan seperti contoh GP-K00xxx. Kod ini sah digunakan untuk dua (2) tahun.
3. Sekiranya penyelidik menerima lebih dari satu Ganjaran Penerbitan, jumlah tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun yang sama.
4. Peruntukan Ganjaran Penerbitan boleh digunakan untuk perkara berikut:
 - a. **Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah:-

 - i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada baki peruntukan yang telah dipohon. **Hanya penerima peruntukan sahaja dibenarkan untuk tujuan tersebut.**
 - ii. Perjalanan ke luar negara untuk tujuan menghadiri persidangan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Menghadiri Persidangan.
 - b. **Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan. Pembelian bahan pakai habis, bekalan penyelidikan, buku dan peralatan berjumlah di bawah RM3, 000.00.
 - c. **Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)**

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada adalah dibenarkan.

TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN GANJARAN PENERBITAN

d. **Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)**

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran penerbitan, yuran keahlian badan professional, saguhati, yuran persidangan, sangkutan penyelidikan, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

e. **Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)**

Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Pembelian peralatan perlu melalui CRIM untuk kelulusan.

5. Walau bagaimanapun, perbelanjaan peruntukan Ganjaran Penerbitan ini tertakluk kepada Penyelidik mematuhi semua prosedur dan peraturan kewangan Universiti.